

## **BAB 11- KERJA TIDAK SIAP**

### **11.1 Pendahuluan**

- 11.1.1 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh Kontraktor.
- 11.1.2 Kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akan diperolehi semula daripada Kontraktor melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Untuk maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan.

### **11.2 Pertimbangan Yang Harus Diambil Kira Semasa Menentukan Sama ada Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Akan Dikenakan**

- 11.2.1 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan ada sebab-sebab kelambatan yang melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa di bawah kontrak, maka tindakan seterusnya ialah untuk menimbangkan lanjutan masa. Satu Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa hendaklah disediakan untuk kelulusan .
- 11.2.2 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan kontraktor tidak layak untuk mendapat lanjutan masa serta tidak menunjukkan kemampuan untuk meneruskan Kerja sehingga siap, maka tindakan Penamatian Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah diambil (rujuk Bab 12 - Penamatian Pengambilan Kerja Kontraktor). Walau bagaimanapun, sekiranya Kontraktor tidak layak untuk mendapat lanjutan masa tetapi menunjukkan kemampuan untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja dalam masa yang munasabah, maka Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Pertimbangan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap mestilah diberi dengan mengambil kira kesulitan pentadbiran dan kesan sosial dan politik, berbanding dengan apakah yang akan menjadi kepentingan terbaik Kerajaan. Di dalam keadaan ini, usaha mestilah diambil untuk memastikan Kerja dapat disiapkan dalam masa yang munasabah.